

06/11/1998

Laporan sebut nama tertentu

Khairul Bahri Basaruddin

KUALA LUMPUR, Khamis - Mahkamah Tinggi di sini hari ini diberitahu nama Tun Daim Zainuddin, Datuk Seri Megat Junid Megat Ayob dan beberapa nama lain, mungkin ada disebut dalam laporan yang dihantar kepada Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, berhubung dakwaan salah laku seks Datuk Seri Anwar Ibrahim.

Bekas Pengarah Cawangan Khas, Polis Diraja Malaysia (PDRM), Datuk Mohd Said Awang, berkata beliau mungkin ada menyebut nama mereka dan tidak menafikan ada berbuat demikian.

Menjawab soalan peguam bela, Christopher Fernando, yang mewakili Anwar bahawa laporan mengenai dakwaan untuk menjatuhkan Anwar sebagai Timbalan Perdana Menteri itu bermotifkan politik, Mohd Said berkata:

"Saya tidak begitu ingat saya berkata begitu, tetapi saya tidak nafikan."

Fernando: "Dalam laporan itu, adakah awak nyatakan Megat Junid, isterinya (Norzilah Jalil) dan beberapa pihak menjadi dalang kepada komplot menjatuhkan Datuk Seri Anwar Ibrahim?"

Mohd Said: "Saya tidak fikir saya berkata begitu, saya curiga sepenuhnya".

Kepada soalan Fernando bahawa beliau juga ada menyebut nama Datuk Abdul Aziz Shamsuddin, salah seorang setiausaha Perdana Menteri dalam laporan itu, Mohd Said berkata: "Mungkin ada".

Selain itu, Mohd Said berkata beliau mungkin ada menyebut nama bekas Ketua Menteri Melaka, Tan Sri Abdul Rahim Thamby Chik dan Daim dalam laporan itu.

Sebelum itu, ketika ditanya sama ada beliau ada menyebut pertemuan Daim dengan Ummi Hafilda (Ali) sebagai sebahagian daripada komplot menjatuhkan Anwar, Mohd Said berkata beliau mungkin ada berkata demikian dan tidak menafikannya.

Fernando: "Adakah awak berkata 'Saya tidak menafikan?' Mohd Said: 'Ya.

Menjawab soalan, Mohd Said memberitahu mahkamah bahawa beliau mungkin menyebut dalam laporannya berhubung dakwaan salah laku seks ke atas Anwar kepada Perdana Menteri, adalah palsu dan tidak berasas.

Sehubungan itu, beliau bersetuju dengan cadangan Fernando disebabkan dakwaan itu palsu dan tidak berasas, Anwar ada hak supaya Ummi Hafilda dan Azizan menarik balik dakwaan mereka.

Bagaimanapun, katanya, beliau tidak berapa ingat ada menyebut dalam laporan itu yang dakwaan mereka itu bermotifkan politik.

Mohd Said berkata, beliau tidak mungkin menulis laporan yang Daim, Megat Junid, Abdul Rahim, Abdul Aziz dan beberapa ahli korporat terbabit dalam komplot menjatuhkan Anwar.

Fernando kemudian memohon kepada mahkamah bagi mendapatkan laporan itu dan hakim memberitahunya supaya membuat permohonan mengikut prosedur yang ditetapkan.

Timbalan Kanan Pendakwa Raya, Datuk Abdul Gani Patail, memberitahu mahkamah laporan itu tidak ada dalam simpanan pendakwa.

Menjawab soalan, Mohd Said berkata, beliau memberitahu Perdana Menteri bahawa polis tidak menggunakan mesingan ketika masuk ke rumah Dr Ristina Majid untuk menahan Ummi Hafilda dan Azizan.

Dr Ristina adalah adik ipar kepada Ketua Setiausaha Kementerian Dalam Negeri, Datuk Shamsuddin Othman.

Kepada satu soalan, Mohd Said berkata beliau tidak pasti siapa yang

memegang jawatan Menteri Dalam Negeri ketika itu dan mengakui Megat Junid adalah Timbalan Menteri kementerian itu.

Bagaimanapun, katanya, Megat Junid juga mungkin tidak memegang jawatan itu kerana dilantik menjadi Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal-Ehwal Pengguna.

Mohd Said memberitahu mahkamah Anwar tidak terbabit dalam penyediaan kandungan surat penarikan balik dakwaan yang dibuat oleh Ummi Hafilda dan Azizan.

Katanya, kedua-dua surat itu ditulis dengan tangan oleh Ummi Hafilda dan Azizan.

Sehubungan itu, beliau setuju cadangan pembela beliau tidak mengarahkan pegawainya memaksa Ummi Hafilda dan Azizan bercakap bohong.

(END)